

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 9 OGOS 2018**

**SOALAN : 64**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan feri yang sedang beroperasi di Pulau Pinang sejurus dengan peningkatan penduduk yang menggunakan perkhidmatannya.

## **JAWAPAN**

Kerajaan melalui Rapid Ferry Sdn Bhd, anak syarikat milik Prasarana Malaysia Berhad komited untuk terus memberikan perkhidmatan pengangkutan awam feri kepada rakyat, khususnya di Pulau Pinang. Ketika ini, sebanyak 6 feri beroperasi di Pulau Pinang dengan purata penumpang pejalan kaki sebanyak 117 ribu sebulan, kereta sebanyak 35 ribu sebulan dan motorsikal sebanyak 66 ribu sebulan.

Bagi menampung peningkatan kadar penumpang pejalan kaki sebanyak 23% berbanding tahun 2017, Kementerian Pengangkutan telah meluluskan Rancangan Pembangunan Feri oleh Prasarana untuk menambah 4 buah feri penumpang dengan kapasiti 150 penumpang bagi setiap feri. Peningkatan kadar penumpang pejalan kaki ini adalah berikutan perubahan dan penetapan jadual operasi yang lebih efektif dan menarik minat lebih ramai pengguna feri.

Untuk makluman, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) mengambil alih operasi perkhidmatan feri daripada Penang Port Sdn. Bhd. Secara rasmi pada 1 Mei 2018. Berdasarkan Pelan Pembangunan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang, Prasarana mempunyai perancangan menaiktaraf fasiliti terminal dan feri sedia ada serta membuat pembelian feri-feri yang baru dalam usaha menambahbaik mutu perkhidmatan Feri Pulau Pinang selepas pengambilalihan perkhidmatan Feri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Prasarana dianggarkan akan memperuntukkan sebanyak RM90 juta untuk tujuan menaiktaraf fasiliti perkhidmatan Feri Pulau Pinang dan pembelian feri-feri baru. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM21 juta bagi tempoh 2018 dan 2019 akan digunakan bagi

tujuan pembelian feri-feri baru jenis penumpang sahaja. Ini merupakan langkah penambahan kepada jumlah feri *vehicular* sedia ada sebanyak 6 buah.

Selain itu, Prasarana akan turut melaksanakan kerja-kerja membaikpulih 6 buah feri sedia ada untuk tempoh 3 tahun bermula tahun 2018. Keseluruhan peruntukan bagi kerja-kerja membaikpulih feri-feri tersebut adalah dianggarkan sebanyak RM13.7 juta.

Daripada segi operasi, Prasarana perlu menampung kerugian dianggarkan sebanyak 28.68 juta pada tahun 2018. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, Kerajaan akan mengkaji dengan teliti berkenaan cadangan pertambahan feri dan usaha untuk menampung kos operasi feri tersebut agar rakyat akan dapat terus menikmati perkhidmatan pengangkutan awam.